

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk memberi sokongan daripada segi pembangunan infra dan geran bagi sukan pemotoran dan sukan lumba bot air bagi negeri Sarawak termasuk pembangunan sukan pemotoran belia di luar bandar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah membina Litar Lumba di Tangkak, Johor bagi kegunaan penggiat komuniti pemotoran. Perancangan pembinaan litar lumba akan datang adalah di Litar Lumba Sungai Petani, Kedah. Bagi pembangunan sukan pemotoran belia di bandar dan luar bandar, sebanyak RM307,100.00 diperuntukkan untuk melaksanakan 13 program sukan pemotoran di seluruh negara bagi tahun 2019 seperti Kursus *Marshall*, Klinik *Pocket Bike* KBS dan *Motocross Championship* 2019. Kursus *Marshall* akan dilaksanakan pada 12 Oktober 2019 bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Kuching, Sarawak.

2. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa litar permotoran yang telah dibina oleh pihak swasta. Litar tersebut adalah:

- (a) Litar *Motocross* Miri
- (b) Litar *Motocross* Tondong, Bau
- (c) Litar *Motocross* Serikin, Bau
- (d) Litar *Motocross* Kota Samarahan di bawah Majlis Daerah Samarahan
- (e) Litar *Go Kart*, Miri
- (f) Serapi Borneo *Race Track*, Kuching

3. Bagi penganjuran sukan lumba bot air di Sarawak, Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak sering bekerjasama bersama Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak, Pejabat Residen dan kelab sukan bermotor tempatan dalam pelaksanaan program seperti *Baleh Kapit Raft Safari* 2018 dan *Baleh Kapit Raft Safari* 2019 pada 5 - 7 April 2019.

Sekian terima kasih.